

## **HUKUM MENGGUNAKAN ALAT-ALAT BANTUAN UNTUK TUJUAN HUBUNGAN KELAMIN.<sup>1</sup>**

Dato' Hj. Abdul Majid bin Omar  
Timbalan Mufti Negeri Selangor.

### **PENDAHULUAN.**

Keharmonian rumahtangga ditentukan oleh salah satunya kualiti diri pasangan suami isteri. Seorang suami yang tidak sanggup memenuhi keperluan isteri sering kali memiliki perasaan bersalah. Sedangkan isteri pula kadangkala diselubungi perasaan syak wasangka terhadap suami. Bila keadaan ini berlanjutan akan menimbulkan pelbagai masalah, sehingga berlakunya perpecahan rumahtangga. Dalam pada itu terdapat juga kalangan lelaki yang berusaha meningkatkan keupayaan diri dalam hubungan kelamin walaupun tidak menghadapi masalah seperti yang dinyatakan.

Mereka berusaha untuk mendapatkan peralatan bagi tujuan tersebut. Antaranya dengan menggunakan peralatan moden seperti yang dijual di pasaran atau mendapatkan peralatan tradisi yang dijual di kaki-kaki lima.

Sehubungan itu, JAKIM telah menerima surat bertarikh 31 Mei 2002 daripada Bahagian Francais dan Vendor, Kementerian Pembangunan Usahawan yang meminta pandangan JAKIM tentang hukum penjualan peralatan untuk tujuan seks seperti yang dinyatakan.

---

<sup>1</sup> Kertas kerja ini dibentangkan pada Seminar Peningkatan Profesionalisme Penolong Pendaftar Nikah Daerah Kuala Langat, 22 Ogos 2007, Hotel Concorde Inn, KLIA Sepang.

## **ASPEK HUKUM DAN ASAS PERTIMBANGAN.**

Justeru itu, beberapa aspek dalam penggunaan peralatan tersebut perlu diberi perhatian seperti tujuan atau niat penggunaan, keperluan serta bahan yang digunakan.

### **1. Berdasarkan Niat Serta Keperluan**

Niat memainkan peranan penting dalam menilai amal seseorang manusia. Ini berdasarkan sabda Rasulullah s.a.w.;

*انما الاعمال بالنيات وانما لكل امرئ ما نوى*

*Bermaksud :*

*“Sesungguhnya semua amalan itu harus disertai dengan niat dan setiap seseorang itu dinilai menurut niatnya...”.*

*(Riwayat Bukhari)*

Niat yang baik dapat digunakan oleh seseorang untuk berbakti dan berkhidmat kepada Allah S.W.T. dan masyarakat. Begitu juga sesiapa yang melepaskan syahwatnya kepada isterinya dengan niat untuk mendapatkan anak atau kerana menjaga diri dan keluarganya daripada perbuatan maksiat maka pelepasan syahwatnya tersebut dapat dinilai sebagai ibadat yang berhak untuk mendapat pahala.

Dalam hal ini, perbuatan seseorang yang menggunakan peralatan untuk tujuan seks tertakluk kepada tujuannya menggunakan peralatan tersebut. Sekiranya ia digunakan untuk tujuan yang tidak baik atau semata-mata atas dorongan nafsu sudah tentu ia akan memberi kesan yang tidak baik kepada perkembangan masyarakat. Sebaliknya jika ia digunakan untuk tujuan yang baik dan demi kesejahteraan rumahtangga maka ia akan memberi sumbangan yang besar dalam memperbaiki hubungan suami isteri serta keharmonian hidup berkeluarga.

Ini berdasarkan kepada kaedah usul fiqh *الامور بمقاصدها* yang bererti; “*tiap-tiap perkara mengikut tujuannya*”. Walaubagaimanapun dalam keadaan tersebut asas hukum yang mengatakan “*sesuatu itu asalnya harus*” dan niat yang baik semata-mata perlu juga diberi perhatian agar tidak pula menjatuhkan seseorang kepada perbuatan yang memudharatkan.

Sabda Rasulullah s.a.w.;

لا ضرر ولا ضرار

*Bermaksud;*

*“Tidak boleh memudharatkan diri sendiri dan tidak boleh memudharatkan orang lain”.*

*(Riwayat Ibnu Majah)*

## **2. Berdasarkan Dharurah**

Islam meletakkan kepada manusia tanggungjawab untuk menentukan kesejahteraan dan keselamatan dirinya. Ini berdasarkan kepada firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud;

*“Dan janganlah kamu campakkan dirimu kepada kebinasaan”.*

Berdasarkan ayat ini, seseorang itu dilarang membiarkan dirinya terjebak dalam kerosakan sama ada kepada diri, keluarga, masyarakat apatah lagi agamanya. Justeru itu, jika seseorang itu menghadapi sesuatu penyakit yang boleh mengganggu perjalanan hidupnya maka dia perlu berusaha mengatasinya. Dalam hubungan ini perbuatan seseorang menggunakan peralatan seks untuk memantapkan semula keupayaannya adalah antara usaha yang perlu dilakukannya untuk kesejahteraan rumahtangnya daripada terjebak ke dalam keadaan kucar kacir.

Terdapat para ulama' yang menganggap perbuatan berubat sebagai keadaan dharurat, sehingga dianggapnya berubat itu seperti makan, dengan alasan bahawa kedua-duanya itu sebagai satu keharusan untuk kelangsungan hidup. Dalil yang dipakai oleh golongan ini ialah Hadis Rasulullah s.a.w. yang sehubungan dengan perkenan baginda untuk Abdul Rahman bin Auf dan Azzubair bin Awwam yang terkena penyakit yang dideritai oleh kedua-dua orang tersebut memakai sutera, padahal memakai sutera pada dasarnya adalah dilarang.

Sabda Rasulullah s.a.w. :

انما هذه لباس من لا خلق له

*Bermaksud:*

*“Sesungguhnya ini adalah pakaian orang yang (nanti di akhirat) tidak ada sedikitpun bahagian baginya”.*

*(Riwayat oleh Bukhari dan Muslim)*

Daripada hadis tersebut kita memahami bahawa kebenaran Rasulullah kepada kedua-dua orang sahabatnya untuk memakai pakaian sutera menunjukkan terdapat keharusan seseorang itu untuk mengatasi keperluannya.

Menurut Dr. Yusuf al-Qardhawi, pendapat seperti ini lebih mendekati kepada jiwa Islam yang selalu melindungi kehidupan manusia dalam seluruh perundangan dan kemaslahatannya.

### **3. Berdasarkan Alat Yang Digunakan**

Pada dasarnya peralatan yang digunakan terbahagi kepada dua bentuk iaitu peralatan moden seperti pil, suntikan, kondom, vacuum, alat penggetar dan lain-lain sementara peralatan tradisional seperti “mata

kambing”, cula tupai, minyak lintah, gambir serawak, bebola dan sebagainya.

Persoalan yang timbul adalah dari sudut hukum bahan yang digunakan tersebut. Ini kerana terdapat antara bahan yang digunakan itu berkemungkinan mengandungi najis serta bahan-bahan yang memudharatkan serta boleh menimbulkan kesan sampingan kepada penggunaannya. Dalam hubungan ini, Rasulullah s.a.w. melarang seseorang berubat dengan menggunakan bahan yang mengandungi najis apatah lagi dalam perkara ini jika seseorang itu menggunakan peralatan tersebut bukan kerana keperluan sebaliknya atas dasar suka-suka.

Sabda Rasulullah s.a.w.;

ان الله لم يجعل شفاءكم فيما حرم عليكم

*Bermaksud:*

*“Sesungguhnya Allah tidak menjadikan kesembuhanmu dengan sesuatu yang Ia haramkan atas kamu”.*

*(Riwayat Bukhari)*

Firman Allah S.W.Tyang bermaksud;

*“Allah telah menerangkan kepadamu apa-apa yang telah Ia haramkan ke atas kamu, kecuali kamu dalam keadaan terpaksa”.*

*(al-An’am ayat 119)*

#### **4. Hukum Menjual Peralatan Untuk Tujuan Hubungan Kelamin**

Pada prinsipnya Islam tidak melarang perdagangan kecuali jika terdapat unsur-unsur kezaliman, penipuan, penindasan dan mengarah kepada sesuatu yang dilarang oleh Islam. Misalnya memperdagangkan arak,

babi, dadah, berhala, patung dan sebagainya yang sudah jelas oleh Islam diharamkan, baik memakannya, mengerjakannya atau memanfaatkannya.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

ان التجار يبعثون يوم القيامة فجارا الا من اتقى الله وبر وصدق

*Bermaksud:*

*“Sesungguhnya pedagang kelak pada hari kiamat akan dibangkitkan sebagai penderhaka, kecuali orang yang takut kepada Allah, baik dan jujur”.*

*(Riwayat oleh at-Tarmizi, Ibn Majah dan Hakim)*

Berdasarkan hadis ini, penjualan bahan-bahan tersebut berkemungkinan termasuk ke dalam perkara yang tidak baik yang akan dilakukan oleh seseorang yang memikirkan keuntungan tanpa melihat kesannya terhadap masyarakat. Ini kerana jika penjualan bahan tersebut tidak dikawal maka orang ramai akan mudah mendapatinya dan akan mendorong kepada terjadinya seks bebas seperti di negara Barat. Justeru sebagaimana Islam mengharamkan perbuatan zina maka demikian juga Islam melarang pembukaan ruang kepada jalan-jalan perlakuan zina.

Firman Allah S.W.T. yang maksud;

*“Dan janganlah kamu menghampiri zina kerana zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang buruk”.*

*(al-Isra` ayat 32)*

Berdasarkan kaedah usul fiqh سد الذرائع atau menutup jalan untuk melakukan kejahatan maka usaha menangani penjualan peralatan tersebut secara bebas sepatutnya dilakukan. Ini memandangkan penyebaran jenayah seks di negara ini perlu ditangani bermula daripada puncanya lagi.

## **KEPUTUSAN MUZAKARAH JAWATANKUASA FATWA MAJLIS KEBANGSAAN BAGI HAL EHWAL UGAMA ISLAM MALAYSIA**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwah Ugama Islam Malaysia Kali Ke-70 pada 29 September 2005 memutuskan bahawa adalah **harus** menggunakan alat bantuan untuk tujuan hubungan kelamin selagi mana ia tidak memudharatkan dan tidak najis.

## **KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA FATWA NEGERI SELANGOR**

Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor Kali 6/2005 pada 15 November 2005 telah memutuskan bahawa **harus** menggunakan alat-alat bantuan untuk tujuan hubungan kelamin bagi suami dan isteri dengan syarat-syarat seperti berikut :

- i. Tidak mendatangkan kemudharatan dari segi fizikal ataupun mental sama ada dalam jangka masa pendek atau panjang;
- ii. Alat yang digunakan bukan dari bahan yang najis;
- iii. Hendaklah persetujuan bersama di antara suami dan isteri;
- iv. Digunakan untuk tujuan kebaikan bagi perkara yang diharuskan oleh syara' sahaja.

## **PENUTUP**

Semoga penjelasan mengenai fatwa Hukum Menggunakan Alat-alat Bantuan Untuk Tujuan Hubungan Kelamin akan dapat membantu dan memberi maklumat kepada para Penolong Pendaftar Nikah Daerah Kuala Langat dalam menangani isu dan permasalahan semasa umat Islam.